

# Malaysia wajar diberi peluang

Oleh  
**NORAZMI ABDUL TALIB**

SHAH ALAM, Ahad — Malaysia mahu ia diberi peluang untuk menganjurkan pesta perdagangan dunia setaraf yang diadakan di New York, Amerika Syarikat dan Osaka, Jepun.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir** Mohamad ketika merasmikan Pesta Antarabangsa Shah Alam 1990, di sini malam tadi, berkata Malaysia telah mencapai kemajuan cemerlang di bidang penganjuran pesta perdagangan.

Menurutnya, Pesta Perdagangan Shah Alam, yang dilancarkan pada 1988, adalah bukti kejayaan Malaysia di bidang berkenaan.

Sehubungan itu, beliau yakin Malaysia bersedia menjadi tuan rumah bagi pesta seumpama itu dalam masa beberapa tahun lagi.

Lapan puluh syarikat daripada 18 negara menyertai pesta kali ini berbanding dengan hanya tiga negara dua tahun lalu.

Negera terbabit termasuk Libya, Emiriyah Arab Bersatu, Pakistan, India, Thailand, Filipina, Singapura, Indonesia, Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Mauritius, Perancis, Sweden dan Chile.

Menurutnya, pesta itu bukan pesta semata-mata, tetapi eskpo antarabangsa bagi negeri Selangor, yang hari ini memperlihatkan pe-

ningkatan cara mengadakan ekspso di negara ini.

Beliau berharap beberapa pameran yang diadakan di pesta dunia di lain tempat, termasuk Osaka, akan dibawa ke negara ini untuk memberi peluang kepada rakyat melihat pameran istimewa itu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri berjaya membangunkan Shah Alam sebagai ibu negeri dalam jangkamasa 25 tahun, selepas menyerahkan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Persekutuan.

Katanya, penyerahan itu menjadikan Kuala Lumpur membangun pesat dan Selangor tidak rugi kerana kedudukan ibukota di tengah negeri itu.

Sebab itu, katanya, Shah Alam membangun pesat menjadi pusat bandar besar dan menarik pelabur asing kerana terdapat segala kemudahan penting.

"Shah Alam pula dekat Kuala Lumpur, segala urusan dengan Kerajaan Pusat dapat dibuat dengan cepat dan lancar," katanya.

Menurutnya, ini menunjukkan walaupun Selangor mengorbankan sebahagian wilayahnya kepada Kerajaan Persekutuan, negeri itu mendapat banyak nikmat daripadanya.